



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Anggota keselamatan Universiti bertanggungjawab menjaga keamanan kampus.](#)

Anggota keselamatan Universiti bertanggungjawab menjaga keamanan kampus.



ANGGOTA Keselamatan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) disarankan mendapat pendedahan dan latihan secara menyeluruh dalam perkhidmatan kawalan keselamatan bagi membentuk ketahanan fizikal dan mental supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang situasi.

Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Razi bin Che Razak berkata, setiap anggota keselamatan perlu mendapatkan pendedahan dan latihan sebagai persiapan sebelum memulakan tugas yang meliputi aspek kawalan, rondaan, peraturan dan undang-undang, tindakan, interaksi dan penampilan diri.

"Melalui latihan ini sekaligus mampu membentuk disiplin yang tinggi dikalangan anggota keselamatan sebagai barisan hadapan yang bertugas di pintu masuk utama universiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Majlis Penutup Kursus Asas Kawalan Keselamatan IPTA Malaysia anjuran Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama daripada 2 Rejimen Sempadan Kem Batu Melintang, di Jeli, Kelantan, pada 18 Oktober 2012.

Turut hadir ialah Ketua Kompeni D, 2 Rejimen Sempadan Kem Batu Melintang, YBhg. Mejar Makhtar bin Dollah dan Pegawai Keselamatan UMK, YBrs. En. Wan Salman bin Wan Salleh.

Justeru itu, Prof. Dr. Razi berkata, penyertaan anggota keselamatan dalam bengkel seperti ini memberi peluang dan ruang yang luas kepada mereka kerana berkhidmat sebagai anggota keselamatan perlu memikul tanggungjawab yang berat untuk memastikan semua aspek keselamatan dalam kampus dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

"Saya berharap kita dapat bekerjasama lagi dengan pihak 2 Rejimen Sempadan Batu Melintang pada masa hadapan kerana kem ini memiliki kepakaran dan kemudahan yang lengkap untuk dijadikan pusat latihan serta kursus kepada UMK," jelasnya.

Sementara itu, Wan Salman menyifatkan penganjuran kursus ini adalah selaras dengan peranan anggota keselamatan untuk mendapat

pendedahan yang lebih jelas tentang prosedur dan proses yang betul dalam pembentukan disiplin kepada peserta dalam menjalankan tugas.

Beliau berkata, kursus ini juga bertujuan untuk membentuk keyakinan diri kepada peserta semasa bertugas terutamanya bila berhadapan dengan pengunjung/pelawat.

"Selain itu, kursus ini dapat membina pasukan dan kepimpinan yang berkesan, memupuk sifat ketahanan diri ketika menghadapi cabaran dan rintangan serta berjaya melatih pasukan untuk bertolak-ansur dan saling membantu sesama ahli pasukan," ujarnya.

Kursus yang berlangsung selama empat hari itu dihadiri 36 peserta terdiri daripada Universiti Malaysia Pahang, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Kebangsaan Malaysia dan UMK.



Bilangan Pelawat :
297653

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@jumk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.